

Memorandum

No. Ruj. : USM.38/1 Jld.II

Tarikh : 16 Disember 2022

Kepada : Semua Staf Yang Bertugas Semasa Konvokesyen USM ke-60
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 53 TAHUN 2022

- PEMBERIAN KEMUDAHAN CUTI GANTIAN SELAMA DUA (2) HARI SEMPENA UPACARA KONVOKESYEN USM KE-60 (TAHUN 2022)

Saya dengan sukacitanya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum, Upacara Konvokesyen USM ke-60 telah pun dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tempoh 3 – 14 Disember 2022 lalu.
3. Sehubungan itu, bagi menghargai komitmen, kerjasama dan kualiti penyampaian perkhidmatan yang cemerlang, pihak Universiti telah bersetuju untuk memberikan kemudahan **Cuti Gantian selama dua (2) hari** kepada staf-staf yang terlibat menjayakan Upacara Konvokesyen USM ke-60.
4. Syarat am pemberian kemudahan Cuti Gantian selama dua (2) hari ini adalah seperti berikut :-
 - (a) Layak kepada staf-staf yang bertugas secara langsung menjayakan Upacara Konvokesyen USM ke-60.
 - (b) Boleh diambil secara sekali gus atau berasingan.
 - (c) Tarikh pengambilannya adalah **tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan masing-masing**.
 - (d) Staf yang mengambil Cuti Gantian ini adalah **tidak layak untuk menuntut bayaran elaun lebih masa**.
 - (e) Tempoh kelayakan pengambilan Cuti Gantian ini adalah **sehingga 30 Jun 2023**.

5. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Pendaftar

Tel. : (6)04 653 6070/6071/6108 ; E-Mel : azizudin@usm.my ; Web : bsm.usm.my